



Kerjaya Prospek Group Bhd.

Kerjaya Prospek miliki kontrak berjumlah RM4.2 bilion untuk tiga tahun

KUALA LUMPUR: Kerjaya Prospek Group Bhd yang memiliki perolehan nilai kontrak bernilai RM4.2 bilion akan membuatkan mereka sibuk untuk tiga tahun akan datang, kata Kenanga Investment Bank Bhd (Kenanga IB).

Dalam nota penyelidikan, bank pelaburan itu berkata jumlah tender semasa Kerjaya Prospek terdiri daripada kerja-kerja bangunan bernilai RM2 bilion dan kerja-kerja industri berjumlah RM2 bilion termasuk pusat data dan gudang logistik.

"Unjuran (ada) dikekalkan, dengan andaian meraih kontrak sebanyak RM1.6 bilion pada tahun kewangan 2024 dan RM1.8 bilion untuk tahun kewangan 2025.

"Kami mengekalkan unjuran pendapatan kami tidak berubah, (dengan) harga sasaran RM2.21 dan penarafan 'penilaian neutral', disokong oleh hasil dividen yang baik kira-kira empat peratus," katanya.

Semalam, Kerjaya Prospek melalui unit milik sepenuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd meraih kontrak RM256.4 juta daripada Eastern & Oriental Express Sdn Bhd (E&OE) untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan bangunan di Elmina West, Shah Alam.

E&OE merupakan anak syarikat tidak langsung Eastern & Oriental Bhd (E&O), yang mana pengarah tertentu dan pemegang saham utama Kerjaya Prospek mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung.

"Ini (meraih kontrak pertama) membentuk 14 peratus daripada andaian penambahan kerja-kerja bagi tahun kewangan 2025 kami sebanyak RM1.8 bilion," katanya.